

17/04/2001

Penyelia sarjana amal budaya menggertak

Bukan Pak Turut

SELAKU seorang bekas graduan sarjana, saya menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan persidangan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Sameo) kali ke-36 di Kota Kinabalu pada 12 Februari lalu.

Perdana Menteri menyarankan satu kod etika dan moral baru dirumus untuk menjurus penekanan lebih kepada pengetahuan dan maklumat sebagai garis panduan untuk mendukung masyarakat ke arah mengecapi kemajuan pada era globalisasi.

Ketersediaan persekitaran kondusif untuk proses perkembangan ilmu wajar diberi penekanan utama. Walau bagaimanapun, semua ini hanya boleh direalisasikan seandainya ilmuwan dapat menerima hakikat bahawa pelajar masa kini boleh lebih berpengetahuan daripada mereka.

Contohnya, graduan akan lebih berpengetahuan daripada penyeliannya mengenai topik yang khusus susulan penemuan kajiannya. Dalam situasi ini, penyelia mesti sanggup mengakui fakta ini, di sebalik cuba berlagak pintar dan enggan mendengar pandangan anak murid seliaannya. Tindak balas dengan menunjukkan kekuasaan serta kemampuan melakukan sesuatu amat dikesali dan patut dibanteras.

Saya turut terperangkap dalam keadaan ini. Dalam proses menyiapkan kajian ilmiah untuk memenuhi syarat penganugerahan ijazah sarjana falsafah, penyelia bertindak dengan tidak berpatutan sekali dan sengaja menghalang latihan ilmiah diperiksa atas alasan kurang berasas iaitu saya tidak bersetuju dengannya mengenai aspek tertentu. Penyelia ini beranggapan saya akan menuruti kehendaknya tanpa banyak persoalan umpama seorang kakitangan bawahan tunduk kepada ketuanya.

Ia boleh dirumuskan seperti berikut. Jikalau tidak melakukan apa yang disarankan, masa depan anda turut terjejas dan tidak akan dianugerahkan ijazah. "Nasib anda di tangan saya." Ini menunjukkan di institusi pengajian awam tempatan, penyelia lebih berkuasa daripada dekan mahupun Naib Canselor atas alasan masing-masing saling merujuk antara satu sama lain jikalau berlaku pertelingkahan dengan anak muridnya, tetapi bukannya menjurus kepada usaha menyelesaikan permasalahan yang dialami anak muridnya.

Penyelia begitu yakin akan kekuasaannya dan boleh menentukan nasib atau masa depan seseorang yang diselianya. Selanjutnya, anak muridnya tidak langsung digalakkan atau dibenarkan bertukar penyelia. Jadi, cuba bayangkan permasalahan yang dialami siswa dan siswi seandainya mempunyai perbezaan pendapat dengan atau kurang disukai penyeliannya.

Nampaknya siswa tidak ada jalan penyelesaian terbaik, kecuali cuba menyerah kepada penyeliannya. Ini perkara yang tidak direlakan oleh diri saya sehingga ini. Secara serius, saya berpendirian bahawa budaya di universiti bukanlah untuk menghasilkan sekelompok graduan pak turut, iaitu mereka yang dengan mudah diorientasi untuk mengikut arahan penyelia.

Apa yang cuba ditekankan ialah universiti harus berfungsi menyediakan persekitaran yang kondusif bagi siswa dan siswi memajukan budaya intelektual. Budaya pak turut secara serius menghambat kemampuan individu untuk berfikir secara kritis dan kreatif atau perkembangan budaya intelektual.

Sekiranya, siswa dan siswi tidak diberi ruang secukupnya untuk berfikir dengan kreatif atau berinovasi, bagaimanakah universiti boleh melatih tenaga kerja berpengetahuan, iaitu individu yang mampu mengharungi cabaran

pada esok hari? Budaya pak turut hanya akan memalapkan proses perkembangan intelektual siswa dan siswi kerana diorientasi mengikut atau mematuhi pendekatan yang ditetapkan, yang secara terang-terang didapati tidak memadai atau efektif dalam menangani situasi tertentu.

Ini membawa kepada persoalan lain, iaitu apakah hak asasi seorang siswa dan siswi? Adakah siswa dan siswi harus berdiam diri jika ada perbezaan pendapat dengan penyeliannya. Siapakah yang boleh mereka beralih untuk mendapatkan bantuan? Saya sudah menulis kepada Naib Canselor universiti berkenaan untuk mengadu permasalahan yang dihadapi. Namun sehingga kini, dua surat saya tidak dibalas langsung. Saya menyedari bukan saya seorang menghadapi keadaan sedemikian.

Saya dimaklumkan ramai siswa dan siswi yang tidak ada pilihan lain kecuali memilih 'tunduk' kepada penyeliannya agar lulus. Justeru, di mana letaknya maruah diri?

Perkara ini wajar diberi perhatian Majlis Konsultatif Pelajar-Pelajar Malaysia (MSCC) yang dicadangkan penubuhannya oleh kerajaan dalam usaha mencari penyelesaian secepat mungkin, agar bilangan siswa dan siswi yang didera secara mental dalam proses mengejar ilmu dapat dikurangkan.